

‘Air pasang luar biasa’

KUALA KEDAH, KEDAH

- Penduduk sekitar beberapa kampung berdekatan gempar dengan fenomena air pasang dianggap luar biasa berikutan paras air laut yang melimpah lebih banyak sehingga masuk ke kawasan jarang dinaiki air.

Penduduk, Zakaria Ismail, 52, berkata, kejadian serupa pernah disaksikan berlaku sekitar tahun 90-an dan dia sama sekali tidak menyangka peristiwa berkenaan akan kembali berulang dan kemungkinan keadaan lebih buruk.

Menurutnya, mujurlah ada pembinaan jalan baru dari Seberang Kota Kuala Kedah menghala ke Kuala Perlis, jika tidak lebih banyak air yang melimpah masuk ke dalam sawah padi dan merosakkan tanaman penduduk.

“Kami berharap Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) serta Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) akan mengambil tindakan segera untuk membaik pulih benteng penahan ombak yang sudah semakin terhakis,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Sementara itu, pemilik res-



**Air laut melimpah di kawasan restoran milik Abdul Razak.
Gambar kecil: Abdul Razak.**

toran, Abdul Razak Osman, 44, berkata, kejadian dipercayai berlaku sekitar jam 1 petang semalam, sewaktu dia berada di restoran untuk melihat kerja-kerja menyiapkan restoran baru berkenaan.

“Selain ombak kuat dengan air kencang semasa kejadian, air laut turut melimpah masuk ke sekeliling restoran sehingga benteng penahan ombak juga tidak kelihatan pada masa itu.

“Air pasang berkenaan kelihatan surut sedikit sekitar jam 3.30 petang namun tidak sepenuhnya, kami bimbang

mungkin keadaan lebih buruk berlaku sekiranya cuaca serta keadaan laut tidak berubah,” katanya.

Menurutnya, mengikut perancangan awal, dia akan membuka restoran berkenaan selewatnya Julai nanti sebelum masuk Ramadan namun disebabkan kejadian itu, rancangan terpaksa ditunda.

“Saya terkejut apabila kawasan ini akan turut terlibat setelah difahamkan penduduk tempatan kejadian sama hanya berlaku sekitar 20 hingga 30 tahun lalu sahaja,” katanya.